



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI 2024

Pertumbuhan ekonomi mengukuh di semua negeri pada 2024, dengan Johor, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Pahang dan W.P. Labuan mencatat kadar pertumbuhan melebihi nasional 5.1 peratus

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI, 2024** yang memperincikan penemuan dari perspektif sektoral dan komposisi ekonomi peringkat negeri yang menyumbang kepada kedudukan ekonomi Malaysia. Statistik ini merupakan susulan daripada KDNK peringkat nasional yang telah dikeluarkan pada 16 Mei 2025. Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia berkembang lebih baik dengan semua negeri mencatatkan pertumbuhan positif yang menggalakkan.

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2024, meningkat daripada 3.5 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM1.65 trilion (2023: RM1.57 trilion). Sektor Perkhidmatan kekal mendominasi ekonomi negara dengan sumbangan 59.4 peratus, berkembang 5.3 peratus berbanding tahun 2023. Penyumbang tertinggi KDNK seterusnya iaitu Sektor Pembuatan dan Sektor Pertanian masing-masing turut meningkat 4.2 peratus dan 3.1 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.7 peratus dan 0.2 peratus pada tahun sebelum. Pada tempoh sama, sektor Perlombongan & pengkuarian bertumbuh daripada 0.5 peratus kepada 0.9 peratus, manakala Sektor Pembinaan terus mengukuh dengan pertumbuhan 17.5 peratus.

Menurut DOSM, "Semua negeri merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2024 dengan lima negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional didahului oleh Johor yang berkembang 6.4 peratus, Selangor 6.3 peratus, W.P. Kuala Lumpur 6.2 peratus, Pahang 5.7 peratus dan W.P. Labuan 5.4 peratus. Walau bagaimanapun, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, menyumbang 68.2 peratus."

Johor muncul sebagai negeri yang mencatat pertumbuhan tertinggi pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan 6.4 peratus dan nilai KDNK mencecah RM158.0 bilion. Prestasi kukuh ini disokong oleh kedudukannya yang strategik di selatan negara, jaringan infrastruktur yang kukuh, pelabuhan utama serta zon perindustrian yang luas. Perkembangan pesat bagi pembangunan pusat data di negeri ini menjadi pemacu utama

pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.0 peratus yang didorong oleh pelaburan berskala besar dalam pusat data. Peningkatan yang memberangsangkan dapat dilihat dalam subsektor Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang berkembang 8.7 peratus, di samping prestasi kukuh dalam subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT yang mencatat pertumbuhan 6.0 peratus. Dalam masa yang sama, sektor Pembinaan turut merekodkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu sebanyak 42.7 peratus pada tahun 2024, khususnya dalam subsektor Pembinaan bangunan dan Kejuruteraan awam, melibatkan pembangunan pencawang kuasa, sistem penyejukan canggih serta rangkaian fiber optik berkapasiti tinggi. Pembangunan infrastruktur digital ini turut menyokong sektor Pembuatan yang meningkat 4.2 peratus, dipacu oleh Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka dan Produk elektrik, elektronik & optikal yang masing-masing berkembang 7.1 peratus dan 1.9 peratus. Melengkapi kemajuan teknologi dan perindustrian, Johor juga merupakan pengeluar utama hasil pertanian negara yang menyumbang 17.3 peratus kepada KDNK Pertanian Malaysia pada tahun 2024. Sektor Pertanian di negeri ini turut berkembang, memulih 4.2 peratus berbanding penyusutan 1.3 peratus pada tahun sebelumnya, dipacu oleh pengeluaran Kelapa sawit yang lebih tinggi. Peningkatan ini turut merangsang prestasi Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan yang meningkat 6.7 peratus, sekali gus mendorong kepada pertumbuhan sektor Pembuatan.

DOSM turut menekankan, "Selangor terus memperkukuh kedudukannya sebagai hab perindustrian dan perkhidmatan utama negara, serta kekal sebagai penyumbang utama ekonomi Malaysia. Negeri ini mencatatkan KDNK berjumlah RM432.1 bilion pada tahun 2024, menyumbang 26.2 peratus kepada KDNK nasional, disokong oleh kadar pertumbuhan kukuh sebanyak 6.3 peratus. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan." Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar, menyumbang sebanyak 61.1 peratus kepada KDNK, berkembang 6.3 peratus. Ini disokong oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT yang meningkat 6.7 peratus, serta subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan sebanyak 4.6 peratus, yang mencerminkan peningkatan berterusan dalam permintaan pengguna dan aktiviti berkaitan pelancongan. Penyumbang kedua terbesar iaitu Sektor Pembuatan yang menyumbang 29.1 peratus, bertumbuh 5.1 peratus didorong oleh beberapa subsektor utama. Antaranya termasuk Produk elektrik, elektronik dan optikal yang berkembang 5.7 peratus, serta Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (8.4%).

W.P. Kuala Lumpur terus memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran, kewangan dan pembangunan hartanah Malaysia. Ibu negara ini menyumbang sebanyak RM265.8 bilion kepada ekonomi negara pada tahun 2024, menjadikannya ekonomi kedua terbesar selepas Selangor, dengan kadar pertumbuhan 6.2 peratus. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh prestasi kukuh dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan (4.8%), serta Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (6.2%). Pahang

mencatat pertumbuhan keempat tertinggi di Malaysia pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan 5.7 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan 4.9 peratus dalam sektor Perkhidmatan, khususnya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan sebanyak 5.4 peratus serta subsektor Perkhidmatan lain yang mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus. Sektor Pertanian, yang merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK negeri ini (22.3%), turut menunjukkan pemulihan kukuh dengan pertumbuhan 8.4 peratus (2023: 1.3%). Prestasi ini dipacu oleh pengeluaran Kelapa sawit yang melonjak daripada penyusutan 5.0 peratus pada tahun 2023 kepada 17.1 peratus. Sementara itu, hab kewangan luar pesisir utama Malaysia iaitu W.P. Labuan mencatatkan kadar pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.4 peratus, yang didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan, menyumbang 79.9 peratus kepada KDNK wilayah ini. Prestasi ini dipacu oleh subsektor Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang berkembang sebanyak 8.0 peratus.

Pulau Pinang mengekalkan daya saingnya dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.8 peratus, dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.0 peratus, disokong pertumbuhan dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat 4.8 peratus serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT yang bertumbuh 5.5 peratus. Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 4.0 peratus, dipacu terutamanya oleh permintaan berterusan terhadap Produk elektrik, elektronik dan optikal yang berkembang 3.9 peratus. Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) juga berperanan sebagai tulang belakang kepada sektor Pembuatan di negeri Kedah dan Negeri Sembilan, sekaligus melengkapi prestasi kukuh sektor Perkhidmatan masing-masing dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi industri E&E. Di Kedah, KDNK negeri mencatat RM54.0 bilion dengan pertumbuhan 4.2 peratus, diterajui oleh peningkatan 3.8 peratus dalam sektor Perkhidmatan. Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan serta Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang masing-masing meningkat 4.3 peratus dan 3.5 peratus. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang kedua pertumbuhan meningkat 6.6 peratus (2023: -3.2%), didorong oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal yang menyumbang 51.1 peratus kepada keseluruhan nilai ditambah sektor Pembuatan negeri, berkembang sebanyak 6.5 peratus. Begitu juga di Negeri Sembilan, KDNK negeri meningkat 4.6 peratus, disokong oleh sektor Perkhidmatan (4.3%) dan Pembuatan (3.9%). Pertumbuhan sektor Perkhidmatan disumbangkan terutama oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT (5.8%), diikuti oleh Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan (3.2%). Manakala bagi sektor Pembuatan, Produk elektrik, elektronik dan optikal kekal sebagai penyumbang utama dengan pertumbuhan sebanyak 3.0 peratus.

Sektor Pembuatan terus menjadi pemacu kepada pembangunan ekonomi di Terengganu, Melaka dan Perak, melengkapi pertumbuhan sektor Perkhidmatan negeri masing-masing. Di Terengganu, KDNK negeri meningkat sebanyak 4.5 peratus, didorong terutamanya oleh pertumbuhan 4.0 peratus dalam sektor Perkhidmatan, dengan sumbangan ketara

daripada subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT yang mencatat pertumbuhan 4.6 peratus. Sektor Pembuatan pula berkembang sebanyak 3.9 peratus, dipacu oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (3.9%), sekali gus mencerminkan peranan Terengganu sebagai pengeluar utama produk kimia di Malaysia. Di Melaka, pertumbuhan KDNK sebanyak 4.4 peratus didorong oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 4.8 peratus, disokong oleh aktiviti rancak dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan. Ini diikuti Sektor Pembuatan dengan catatan pertumbuhan 3.8 peratus, dipacu oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (4.5%) serta Produk elektrik, elektronik dan optikal (3.8%). Manakala bagi negeri Perak, ekonominya berkembang sebanyak 4.4 peratus dipacu oleh sektor Perkhidmatan (4.1%), disokong oleh pertumbuhan subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan (4.0%), serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT (3.3%). Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan 5.1 peratus, disokong oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (8.5%) serta Produk elektrik, elektronik dan optikal (3.7%). Selain itu, sektor Pertanian yang menyumbang sebanyak RM12.1 bilion atau 14.0 peratus kepada KDNK negeri ini turut mencatat pertumbuhan 3.6 peratus, sekali gus menyokong prestasi ekonomi keseluruhan. Pertumbuhan ini didorong oleh khususnya Perikanan laut dan subsektor Tanaman, terutama Kelapa sawit.

Sektor Pertanian kekal sebagai penyumbang penting dalam menyokong prestasi ekonomi di Kelantan dan Perlis pada tahun 2024, dengan kedudukan sebagai penyumbang kedua terbesar selepas sektor Perkhidmatan. Ekonomi negeri Kelantan berkembang sebanyak 3.6 peratus kepada RM28.7 bilion, disokong oleh pengukuhan berterusan sektor Perkhidmatan dan Pertanian yang menyumbang lebih 90 peratus kepada struktur ekonomi negeri ini. Sektor Perkhidmatan, yang menyumbang 71.7 peratus kepada KDNK negeri, mencatat pertumbuhan 3.4 peratus, disokong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan serta Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pertanian yang merangkumi 20.1 peratus daripada KDNK negeri, mencatat pemulihan dengan pertumbuhan 2.8 peratus dipacu oleh peningkatan dalam pengeluaran Buah-buahan dan Kelapa sawit. Begitu juga di Perlis, pertumbuhan sederhana sebanyak 3.3 peratus direkodkan, turut disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian yang secara keseluruhan menyumbang hampir 90 peratus kepada KDNK negeri. Sektor Perkhidmatan mencatat pertumbuhan 3.3 peratus, didorong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan serta Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan. Dalam tempoh yang sama, sektor Pertanian yang menyumbang 17.1 peratus kepada ekonomi negeri meningkat sebanyak 2.9 peratus, dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Perikanan (10.5%).

KDNK Sarawak meningkat kepada RM148.2 bilion, mencatat pertumbuhan 3.9 peratus, meningkat berbanding 1.3 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 4.9 peratus, diterajui oleh prestasi kukuh dalam subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT (6.2%), serta subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan (4.0%). Sektor Perlombongan & pengkuarian merupakan penyumbang kedua terbesar,

pulih daripada penyusutan marginal 0.1 peratus pada 2023 kepada pertumbuhan 4.1 peratus, disokong oleh pengeluaran berterusan Gas asli (5.9%) yang merangkumi 74.6 peratus daripada nilai ditambah sektor ini. Sebaliknya, Minyak mentah dan kondensat menyusut 2.6 peratus. Dalam tempoh yang sama, sektor Pembuatan menunjukkan pemulihan sebanyak 1.3 peratus (2023: -3.9%), didorong terutamanya oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik, khususnya Produk petroleum bertapis. Sementara itu, sektor Pertanian mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 0.5 peratus, didorong oleh peningkatan marginal dalam pengeluaran Kelapa sawit yang merangkumi 54.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran pertanian di Sarawak.

Sebaliknya, ekonomi Sabah mencatat prestasi yang lebih sederhana dengan pertumbuhan marginal sebanyak 1.1 peratus pada tahun 2024, terjejas oleh penyusutan dalam sektor Perlombongan & pengkuarian (-5.0%) dan Pertanian (-3.4%). Walaupun berdepan cabaran ini, Sabah mencatat momentum yang memberangsangkan dalam sektor Perkhidmatan serta menunjukkan lonjakan kukuh dalam sektor Pembinaan dengan pertumbuhan sebanyak 18.8 peratus berbanding penguncupan 1.1 peratus pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negeri dengan sumbangan sebanyak 52.4 peratus, berkembang sebanyak 4.2 peratus, disokong oleh aktiviti berkaitan pelancongan seperti Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan (4.0%), seiring dengan peningkatan ketibaan pelancong sebanyak 20.4 peratus. Namun begitu, sektor Perlombongan & pengkuarian yang merangkumi 22.0 peratus daripada ekonomi negeri menguncup 5.0 peratus berikutan kemerosotan pengeluaran Minyak mentah dan kondensat sebanyak 7.7 peratus (2023: -4.6%). Sektor Pertanian iaitu penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi negeri ini turut menguncup 3.4 peratus (2023: 0.6%), disebabkan kejatuhan dalam pengeluaran komoditi utamanya iaitu Kelapa sawit sebanyak 6.1 peratus. Sektor Pembuatan turut terjejas apabila mencatat pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 1.2 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh penyusutan sebanyak 0.5 peratus bagi Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, khususnya yang melibatkan Minyak sawit.

Beralih kepada KDNK per kapita, nilai KDNK per kapita nasional meningkat daripada RM54,608 pada tahun 2023 kepada RM56,734. Lima (5) negeri kekal merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM136,365), W.P. Labuan (RM87,003), Pulau Pinang (RM76,033), Sarawak (RM73,426) dan Selangor (RM65,907).

Seterusnya, DOSM merumuskan, "Prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2025 berdasarkan Indeks Pelopor dari Januari hingga April 2025 menunjukkan ekonomi negara kekal berdaya tahan disokong oleh peningkatan dalam Import Benar Semi Konduktor dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar. Indikator lain seperti keyakinan pengguna, pengeluaran perindustrian dan aliran eksport juga telah menunjukkan daya tahan dan potensi pertumbuhan. Faktor-faktor ini dijangka menyumbang kepada trajektori yang stabil bagi ekonomi Malaysia pada tahun akan datang. Pertumbuhan ini turut disokong oleh prestasi KDNK bagi suku pertama 2025 yang mencatat kadar pertumbuhan 4.4 peratus. Meskipun

kadar ini sedikit rendah berbanding 4.9 peratus pada suku keempat 2024, ia masih menunjukkan prestasi yang lebih kukuh berbanding 4.2 peratus yang direkodkan pada suku pertama tahun sebelumnya. Persekitaran ekonomi yang menggalakkan ini telah membolehkan pasaran buruh negara mengekalkan pertumbuhan yang stabil dengan peningkatan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh daripada 70.6 peratus pada suku keempat tahun 2024 kepada 70.7 peratus pada suku pertama tahun 2025. Kadar Pengangguran pada suku pertama 2025 mencatatkan penurunan kepada 3.1 peratus daripada 3.2 peratus pada suku keempat tahun 2024." Walau bagaimanapun, antara cabaran utama kepada perkembangan ekonomi Malaysia adalah pertumbuhan global yang perlahan, tekanan geopolitik yang berterusan, serta ketidaktentuan dasar monetari global yang memberi kesan kepada aliran perdagangan dan pelaburan negara.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2025**

Carta 1: Perubahan peratusan tahunan KDNK, Malaysia, 1991-2024




Carta 2: Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2024

Negeri	Pertanian	Perombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	KDNK 2024	KDNK 2023
Johor	4.2	11.3	4.2	42.7	6.0	6.4	4.1
Selangor	6.6	11.8	5.1	13.2	6.3	6.3	5.4
W.P. KL*	-0.04	2.9	4.3	21.1	5.5	6.2	3.8
Pahang	8.4	-3.9	3.5	12.9	4.9	5.7	5.1
W.P. Labuan	2.3	-	-0.7	5.3	6.4	5.4	1.8
Malaysia	3.1	0.9	4.2	17.5	5.3	5.1	3.5
Pulau Pinang	0.1	5.5	4.0	14.4	5.0	4.8	3.2
Negeri Sembilan	9.8	-5.2	3.9	9.1	4.3	4.6	1.9
Terengganu	3.9	13.6	3.9	17.5	4.0	4.5	2.2
Melaka	-1.0	6.6	3.8	30.6	4.8	4.44	2.8
Perak	3.6	-2.9	5.1	11.5	4.1	4.36	2.7
Kedah	4.0	-3.0	6.6	-11.1	3.8	4.2	1.7
Sarawak	0.5	4.1	1.3	18.7	4.9	3.9	1.3
Kelantan	2.8	8.2	2.2	20.7	3.4	3.6	2.6
Perlis	2.9	2.7	1.4	16.9	3.3	3.3	2.0
Sabah	-3.4	-5.0	1.2	18.8	4.2	1.1	1.4
SUPRA	-	1.0	-	-	-	1.0	2.9

*Termasuk W.P. Putrajaya

Carta 3: Struktur ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2024




*Termasuk W.P. Putrajaya
Pada harga malar 2015

Jadual 1: KDNK per kapita (RM) mengikut negeri, 2024


Per kapita (RM)	2023	2024
Johor	41,847	44,762
Kedah	26,387	27,268
Kelantan	16,914	17,368
Melaka	53,688	54,553
Negeri Sembilan	51,702	53,928
Pahang	46,085	49,617
Pulau Pinang	72,532	76,033
Perak	37,026	38,996
Perlis	24,138	24,695
Selangor	62,696	65,907
Terengganu	31,163	32,442
Sabah	31,235	30,605
Sarawak	72,283	73,426
W.P. KL*	131,165	136,365
WP Labuan	83,841	87,003
Malaysia	54,608	56,734

* Termasuk W.P. Putrajaya
Pada harga semasa

Carta 4: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga April 2025




Carta 5: Pertumbuhan dan sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga malar (2015=100)




Johor

Carta 6: Siri masa KDNK Johor, 2015-2024




Carta 7: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Kedah

Carta 8: Siri masa KDNK Kedah, 2015-2024




Carta 9: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Kelantan

Carta 10: Siri masa KDNK Kelantan, 2015-2024




Carta 11: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Melaka

Carta 12: Siri masa KDNK Melaka, 2015-2024




Carta 13: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Negeri Sembilan

Carta 14: Siri masa KDNK Negeri Sembilan, 2015-2024




Carta 15: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Pahang

Carta 16: Siri masa KDNK Pahang, 2015-2024




Carta 17: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Pulau Pinang

Carta 18: Siri masa KDNK Pulau Pinang, 2015-2024




Carta 19: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Perak

Carta 20: Siri masa KDNK Perak, 2015-2024




Carta 21: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Perlis

Carta 22: Siri masa KDNK Perlis, 2015-2024




Carta 23: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Selangor

Carta 24: Siri masa KDNK Selangor, 2015-2024




Carta 25: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Terengganu

Carta 26: Siri masa KDNK Terengganu, 2015-2024




Carta 27: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Sabah

Carta 28: Siri masa KDNK Sabah, 2015-2024




Carta 29: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Sarawak

Carta 30: Siri masa KDNK Sarawak, 2015-2024




Carta 31: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)




Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Carta 32: Siri masa KDNK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015-2024




Carta 33: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)



Wilayah Persekutuan Labuan

Carta 34: Siri masa KDNK Wilayah Persekutuan Labuan, 2015-2024



Carta 35: Sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2024 (%)

